

Minat Kerjaya dan Tret Personaliti dalam kalangan Murid Tingkatan Satu Berbeza Jantina: Satu Kajian Kes

Nursyafiqah Norazhar, Mohd Fahridzakki Abd Rahman & Abu Yazid Abu Bakar

Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: nursyafiqahnorazhar1@gmail.com

Abstrak

Kajian kes ini dijalankan bertujuan untuk menyelidiki hubungan antara minat kerjaya dan tret personaliti dalam kalangan murid tingkatan satu berbilang jantina. Kajian telah dijalankan di salah sebuah sekolah menengah di Negeri Sembilan yang melibatkan 74 orang pelajar Tingkatan Satu. Instrumen yang digunakan bagi mengumpul data daripada responden kajian adalah Soal Selidik Minat Kerjaya dan Tret Personaliti, yang dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 23.0. Analisis inferensi (ujian-t) dilakukan untuk mengukur perbezaan pembolehubah minat kerjaya dan tret personaliti responden kajian berbilang jantina. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara minat kerjaya dan tret personaliti dalam kalangan pelajar awal sekolah menengah berbeza jantina. Walau bagaimanapun, bagi konstruk realistik dan artistik dalam minat kerjaya dan konstruk autonomi dalam tret personaliti terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan perempuan, di mana nilai min pelajar perempuan lebih tinggi bagi konstruk Artistik dan Autonomi dan nilai min pelajar lelaki lebih tinggi bagi konstruk Realistik. Kajian ini memberi implikasi terhadap kaunselor untuk mengenal pasti arah tuju dan minat pelajar sebelum memasuki aliran tertentu. Cadangan agar tindakan untuk tidak mengasingkan dan memisahkan pelajar lelaki dan perempuan dalam pelaksanaan sesuatu program atau aktiviti kaunseling kerjaya dalam persekitaran sekolah turut dibincangkan.

Kata kunci: kaunseling, minat kerjaya, tret personality

1.0 PENGENALAN

Malaysia kini ke arah pembentukan negara maju dan membangun dengan pembangunan dalam memantapkan ekonomi dan modal insan sebagai pemangkin utama. Justeru, pendidikan antara faktor utama dalam pertumbuhan ekonomi negara sebagai contoh dalam melahirkan modal insan yang berkualiti (Nur Farhana 2016). Menurut Zakaria Stapa, Ahmad Munawar dan Noranizah (2012), sebagai mana termaktub didalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan tahun 1988,

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berkecakupan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara”

Pendidikan penting dalam membentuk personaliti individu dan kerjaya kelak. Minat kerjaya berdasarkan personaliti sering kali berkait dalam menentukan pemilihan kerja pada masa hadapan terutamanya kepada murid di awal sekolah menengah lagi. Kebanyakkan mereka sudah mempunyai minat kerjaya mereka sendiri dan mempunyai pekerjaan yang diidamkan, malahan sejak dari kecil lagi mereka sudah pandai menyebut ingin menjadi doktor, peguam, polis, penyanyi dan sebagainya. (Nur Farhana 2016; Mohamad 2013).

Pembelajaran boleh mempengaruhi pembentukan personaliti kerjaya seterusnya membawa kepada pemilihan pekerjaan yang merupakan satu aspek yang penting bagi individu-individu dalam peringkat remaja. Ini adalah kerana (Sabariah Haron 2013):

- i. Pemilihan pekerjaan yang dibuat di peringkat remaja ini akan sedikit sebanyak mempengaruhi corak kerjaya yang dimasukkannya apabila dewasa dan kerjaya ini pula akan menentukan peranan yang akan dimainkannya nanti dalam masyarakat.
- ii. Pemilihan kerjaya di peringkat ini akan juga menentukan identitinya semasa dewasa dan identiti yang terhasil pada masa ini akan memberikan kesan yang kuat ke atas dirinya dan agak mengambil masa hendak mengubahnya kelak.
- iii. Pemilihan kerjaya pada masa sekarang penentu pada masa hadapan yang merupakan suatu yang peting bagi taraf atau kedudukannya dalam masyarakat dan taraf ini pula mempunyai kesan ke atas nilai hidup, sikap dan gaya hidup seseorang itu.
- iv. Pekerjaan membolehkan kita memenuhi keperluan-keperluan untuk hidup dan merupakan suatu bidang yang penting bagi perkembangan konsep sendiri serta pemuasan seseorang individu.
- v. Proses memilih sesuatu pekerjaan itu tidak mudah kerana walaupun terdapat beribu-ribu jenis pekerjaan yang boleh dipilih tetapi kebanyakan orang muda mempunyai pengetahuan dan maklumat serta hubungan yang sangat terbatas berkenaan dengan dunia pekerjaan (Amir Awang 1983).

2.0 LATARBELAKANG / PERNYATAAN MASALAH

Negara bertambah maju dengan pelbagai bidang yang boleh diceburi berbanding dahulu hanya limitasi kepada beberapa bidang sahaja yang boleh dipelajari dengan lebih mendalam. Walaupun negara masih tidak mencapai kepelbagaian bidang kursus atau program yang boleh diceburi berbanding negara maju yang lain, sekurang-kurangnya Malaysia semakin meluas dan perbaiki kepelbagaian kursus di sekolah terutamanya di usia pada awal sekolah menengah lagi. Walaubagaimanapun, negara masih tidak banyak pilihan dalam pemilihan bidang program sejak sekolah rendah sehingga ke sekolah menengah. Tidak adil kepada individu yang personalitinya tidak seiring dengan pembelajarannya sehinggakan memberi kesan buruk kepada pelajar seperti ponteng kelas akibat tidak berminat dengan subjek (Sabariah Haron 2013)

Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran telah meningkat sebanyak 0.1% iaitu daripada 3.1% pada bulan Oktober 2015 kepada 3.2% pada bulan November 2015. Portal Malaysia Kini juga telah melaporkan bahawa pada Oktober 2015, golongan graduan adalah yang paling ramai menganggur berbanding golongan lepasan pendidikan menengah dan rendah. Dengan lambakan graduan yang sedia ada, graduan terpaksa bersaing sesama mereka untuk memperolehi pekerjaan yang diidamkan. Melalui fakta ini mungkin salah satu faktor pengangguran adalah berkenaan dengan minat kerjaya dan juga berkait dengan personaliti seseorang individu. Menurut Sidek; Sabariah (2013), individu yang dikategorikan salah satu jenis personaliti itu akan memilih persekitaran yang kongruen dengan jenis personalitinya. Sebagai contoh, individu yang berpersonaliti Sosial akan memilih persekitaran sosial yang mana minat, kecekapan serta pekerjaan dapat dipuaskan. Menurut Nur Farhana (2016) lagi, keraguan dan ketidakjelasan dalam memilih kerjaya yang sesuai kebiasaannya di sebabkan faktor minat yang pelbagai, minat yang tidak jelas dan faktor persekitaran.

Memilih dan menetapkan pekerjaan yang sesuai amat penting kepada individu kerana boleh mendatangkan kepuasan, keseronokan dan jaminan pada masa hadapan. Pemilihan terhadap pelbagai kerjaya yang sesuai dengan minat dan personaliti pelajar-pelajar perlu didedahkan dan dibimbing supaya mereka dapat membuat pemilihan yang tepat dan betul selari dengan kehendak dan minat dalam diri (Mhd Subhan, Salleh Amat & Abu Yazid 2015). Mungkin tidak semua pelajar mampu membuat pemilihan kerjaya di awal sekolah menengah, sekurang-kurangnya pelajar mendapat gambaran tentang personaliti diri sendiri dan juga minat pekerjaan itu sendiri yang dianggap penting untuk pengetahuan pelajar. Seperti yang dinyatakan oleh Zairoslawanee (2014); Yusof (2013), pemilihan kerjaya yang tepat yang bersesuaian dengan personaliti amat penting dalam menentukan corak hidup masa hadapan.

Kajian melalui faktor jantina pula, lagi menurut Zairoslawanee (2014); Mansor (2001), dalam kajiannya menegaskan bahawa minat kerjaya antara lelaki dan perempuan sememangnya mempunyai perbezaan. Pelajar lelaki dilihat lebih meminati ciri-ciri pekerjaan yang melibatkan penggunaan mesin dan tangan (*hands-on*), menggunakan daya imaginasi dan kreativiti. Manakala, Normala (2013), menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara minat pelajar lelaki dan perempuan di antaran konstruk Intelek, Artistik, Sosial dan *Enterprising* dalam bidang yang terkandung dalam CII dan SDS-E. Kajian ini dapat mengukuhkan lagi kajian lepas berkenaan minat kerjaya dan personaliti pelajar awal sekolah menengah berbeza jantina serta menjadi panduan kepada kaunselor dalam mengendalikan kaunseling kerjaya bersama pelajar-pelajar.

Oleh itu, tidak terlalu awal untuk pelajar Tingkatan 1 untuk memilih dan membuat keputusan kepada minat kerjaya mereka. Jika kebiasaan pemilihan minat dilakukan selepas tamat peperiksaan tingkatan 3, kali ini pelajar pada awal sekolah menengah boleh membuat pilihan daripada pemilihan kursus yang ada dalam pengajian di Malaysia sebagai persiapan kelak. Hal ini kerana pelajar selalunya akan sibuk dan buntu dalam memilih bidang diminati setelah tamat tingkatan 3 dan keadaan mungkin agak kelam-kabut kerana kekurangan masa pada ketika itu. Jika para pelajar berminat kepada Rialistik, mereka boleh mencari maklumat awal berkenaan sekolah vokasional di Malaysia sebagai persiapan awal.

3.0 PERBINCANGAN

3.1 Kajian Literatur

Berdasarkan kajian-kajian yang lepas, minat merupakan antara elemen yang penting dalam melakukan sesuatu perkara supaya apa yang dilakukan akan memberi kepuasan kepada individu. Menurut Sidek Mohd Noah (2005), minat ialah hasil usaha seseorang itu mengubahsuaikan keperluannya sehingga mencapai tahap kepuasan sendiri yang tertentu. Menurut Zairollawane (2014); Mohamad (2012), minat adalah dimaksudkan dengan kecenderungan, kesukaan, kesediaan atau keinginan pelajar mengikut pembelajaran yang meliputi sesi pembelajaran di dalam atau di luar kelas dikenali sebagai minat.

Minat kerjaya turut dikaitkan dengan personaliti, menurut Normala A. Manaf (2013); Abdullah & M. Tamin (1989), sesuatu pekerjaan dikatakan mempengaruhi konsep sendiri, perasaan nilai, kesejahteraan dan identiti keperibadian seseorang. Sama seperti yang ditegaskan oleh Holland (1985) yang juga bersetuju bahawa setiap individu membentuk personalitinya tersendiri hasil dari interaksi yang berlaku antara ciri-ciri yang diwarisi serta minat dan kebolehan yang disebabkan oleh pekerjaan. Berkata Muna Saif, Amla & Khairul Anwar (2011), *Five Personality Trait* sesuai digunakan oleh kaunselor atau profesional lain dalam mengetahui minat kerjaya pelajar berdasarkan personaliti mereka.

Debran (2007); Savickas & Spokane (1999); Holland (1966), menggabungkan pengetahuan berkaitan dengan minat kerjaya, pemilihan kerjaya dan penglibatan pekerjaan dengan menggunakan enam dimensi utama iaitu Rialistik, Investigatif, Artistik, Sosial, Enterprising dan Conventional (RIASEC). Selain itu, Inventori Minat Kerjaya adalah berasaskan kepada Teori Tipologi Kerjaya Holland (1985). Teori ini mempunyai tiga keperluan komponen utama iaitu individu, persekitaran dan keserasian antara individu dan persekitaran. Pemilihan kerjaya seseorang individu adalah berdasarkan personaliti dan beberapa angkuabah lain yang terdapat pada latar belakang pekerjaan itu (Holland 1973). Asas yang digunakan dalam teori ini ialah:

- i. Pemilihan kerjaya adalah berdasarkan personaliti individu yang terserlah di samping keselarasan persekitaran pekerjaan.
- ii. Minat seseorang itu bermula daripada personalitinya.
- iii. Individu daripada jenis pekerjaan yang sama mempunyai persamaan dari segi pola personaliti mereka.
- iv. Persamaan antara personaliti dan persekitaran akan meningkatkan prestasi kerja, pencapaian, kestabilan dan kepuasan kerja.

Bagi kajian lepas berkaitan minat kerjaya dan personaliti berbeza jantina, kajian menyatakan kerja sebagai jururawat sesuai untuk golongan perempuan kerana sifat semulajadi yang ada pada mereka, manakala lelaki lebih baik dalam mengendalikan pekerjaan berkenaan pembedahan seperti doktor pakar sakit bedah kerana emosi lelaki lebih stabil berbanding wanita (Shelly J. Correll 2014). Hal ini telah dipersetujui oleh Whittingham (2017), sifat "Nurture" atau penjagaan lebih serasi dengan golongan wanita berbanding lelaki, manakala beliau juga menyatakan bahawa lelaki lebih bersifat introvert berbanding wanita. Ji-Hyeon Kim & Orville Karan (2004), beliau menyangkal kenyataan bahawa lelaki mempunyai sifat keperibadian maskulin yang lebih tinggi manakala wanita pula menunjukkan tingkahlaku feminine yang lebih tinggi. Pada zaman sekarang lelaki dan wanita bebas bergerak dan menyebabkan ramai mempercayai bahawa mahupun lelaki atau wanita berhak dalam semua bidang seperti perniagaan dan politik.

Menurut Khuram Shahzad, Farhan Ahmed & Abdul Ghaffar (2013) dalam kajian beliau kepada pelajar jurusan perniagaan dan jurusan selain perniagaan menyatakan lelaki lebih tinggi dalam personaliti tret Ekstraversi, Kestabilan emosi dan Kebebasan berbanding wanita yang mendapat skor tinggi dalam Kebergantungan, Ketelusan dan Keterbukaan. Kajian ini juga menyatakan pekerjaan yang lebih kepada penjagaan sesuai kepada wanita kerana sifat semulajadi mereka itu.

3.2 Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian yang dijalankan untuk melihat sejauh mana minat kerjaya dan tret personaliti dalam kalangan murid tingkatan 1 yang berbeza jantina di salah sebuah sekolah di Negeri Sembilan. Pengkaji telah menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan melalui soal selidik digunakan untuk mengumpul data dan juga untuk memperolehi data yang empirikal bagi kajian ini. Penyelidik telah menggunakan kaedah pemilihan secara rawak mudah dalam kajian ini. Kaedah ini menjadi pilihan kerana mudah maklumat data diterima dan kaunselor sekolah memberikan kerjasama dalam kajian ini.

Kajian menggunakan dua jenis inventori yang berbeza di mana wajib untuk pelajar awal sekolah menengah menjawabnya iaitu Inventori Tret Personaliti (ITP) dan Inventori Minat Kerjaya (IMK). ITP ini bersandarkan kepada teori Tret dan Faktor yang diperkenalkan oleh Frank Parsons (1944). Matlamat akhir pendekatan teori ini adalah untuk memastikan ciri peribadi individu selaras dengan keperluan bidang pekerjaan. IMK pula adalah berasaskan kepada Teori Tipologi Kerjaya Holland (1985). Teori ini mempunyai tiga keperluan komponen utama iaitu individu, persekitaran dan keserasian antara individu dan persekitaran.

4.0 JANGKAAN DAN NILAI TAMBAH

Adalah diharapkan dapatan kajian ini dapat memberi kepentingan terhadap mengenal pasti minat kerjaya pelajar dan sejauh manakah minat kerjaya tersebut selaras dengan tret personaliti dalam diri mereka. Oleh yang demikian, diharapkan dapatan kajian ini dapat memberi kepentingan kepada pihak sekolah, pelajar, guru-guru dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pihak sekolah mendapat kepentingan dalam memastikan minat kerjaya berdasarkan personaliti yang pelbagai oleh pelajar. Seawal permulaan sekolah menengah pihak sekolah boleh mendapat maklumat berkenaan dengan minat kerjaya yang ingin diceburi serta kaitan dengan personaliti pelajar, dengan cara ini pihak sekolah dapat merancang lebih awal tentang pemilihan kelas dan fokus kepada mata pelajaran berkaitan untuk tujuan perancangan awal pemilihan kerjaya setelah tamat tingkatan 3 nanti serta setelah tamat sekolah untuk jangka masa panjang.

Pengetahuan tentang minat kerjaya dan personaliti dalam diri pelajar dapat dijadikan panduan oleh pelajar dan guru untuk membantu mereka memilih khusus yang sesuai dengan diri dan bersama-sama menyediakan bahan bantu mengajar yang sesuai mengikut minat kerjaya serta personaliti pelajar. Melalui kajian ini juga membantu pihak sekolah untuk melihat sama ada faktor personaliti dan minat kerjaya mempunyai perbezaan antara pelajar lelaki dan perempuan. Personaliti yang diterapkan dalam diri juga dapat dijadikan ukuran untuk menilai minat pelajar dalam subjek dan kerjaya pilihan.

Selain itu, para guru terutamanya para kaunselor juga dapat memahami jenis-jenis minat kerjaya dan personaliti pelajar dan kaitkannya dengan perbezaan jantina. Dengan ini, pihak sekolah termasuk guru-guru boleh melakukan program-program kerjaya berdasarkan kajian yang ini dalam melihat minat kerjaya dan personaliti serta diselarikan dengan minat mengikut jantina. Kajian ini boleh membantu guru-guru mengenal pasti minat kerjaya dan personaliti yang paling dominan dengan pelajar dan lebih fokus ke arah ciri-ciri tersebut. Hal yang demikian, kajian ini boleh menjadi rujukan kepada pihak sekolah serta guru-guru dalam membimbing dan memberi galakkan kepada pelajar mendekati diri kepada minat kerjaya mereka.

Tambahan pula, ibu bapa boleh memahami pelajar berdasarkan minat kerjaya dan personaliti mereka. Ibu bapa diharap dapat memberi galakkan kepada anak berdasarkan minat mereka dan membimbing mereka ke arah minat yang ingin diceburi. Hal ini dengan demikian, ibu bapa boleh memahami anak-anak mereka pada peringkat awal dan merancang pendidikan yang berkaitan dengan minat kerjaya anak-anak satu hari nanti.

Kajian ini juga boleh menjadi panduan kepada pihak Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan untuk menambahbaikkan sistem pembelajaran di Malaysia berdasarkan dapatan minat kerjaya dan tret personaliti pelajar mengikut jantina mereka. KPM juga boleh menentukan jenis-jenis pengkhususan bidang atau mata pelajaran tertentu di sekolah-sekolah.

5.0 RUJUKAN

- Holland, J.L. 1996. *Making vocational choices : A theory of vocational personality and work environment*. Florida: Psychological Assessment resources Inc.
- Holland, J.L. 1985. *Making vocational choices: A theory of vocational personalities and work environment*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Adrian, D. (2007). *Hubungan di Antara Personaliti Warna dan Personaliti Minat Kerjaya*. Saraak: Universiti Malaysia Sarawak.

- Correll, S. J. (2014). Gender and the Career Choice Process: The Role of Biased Self Assessment. *Chicago Journals*, 1691-1730.
- Khuram Shahzad, Farhan Ahmed, & Abdul Ghaffar. (2013). Personality and Gender as Predictors of Academic Choices: A Comparative Study of Business and Non-Business Students. *Society of Management and Human Resource Development*, 1-7.
- Kim, J. H., & Karan, O. (2004). The Relationship among Sex, Gender Identity Factors, and Career Decision Situation Specified Personality Traits. *Asia Pacific Education Review*, 39-49.
- Mhd Subhan, Salleh Amat, & Abu Yazid Abu Bakar. (2015). The Concept of Career Choice among Children. *International Counselling Seminar*, 1-7.
- Muna Saif, Khairul Anwar Mastor, & Amla Salleh. (2011). The development of the career decision making indicator (CDMI) and its relation to "Big Five" personality traits in adolescence. *World Applied Sciences Journal*, 34-39.
- Normala A. Manaf. (2013). *Keserasian Personaliti Pelajar dengan Kerjaya Agen Pengembangan*. Johor: Universiti Tun Hussein Onn.
- Nur Farhana Mat Nawi. (2016). *Ramalan Prestasi Kerja Pelajar Berdasarkan AQ dan Minat Kerjaya*. Johor: Universiti Tun Hussein Onn.
- Parson, F. (1967). *Choosing a Vocation*. New York: Agathon Press.
- Sabariah Haron. (2013). *Mengukur Hubungan Minat Kerjaya dengan Jantina dan Aliran dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat di Tiga Buah Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Sidek Mohd Noah. (2005). *Pengujian & Penilaian dalam Kaunseling, Teori & Aplikasi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Whittingham, K. L. (2017). Gender Differences in Relationships Between Personality and Career Attribute Priority. *Journal of Business Diversity*, 30-40.
- Zairoslawanee Zaib. (2014). *Pemilihan Kerjaya Pelajar Tingkatan 6 Atas di Sekolah Menengah Kluster di Kelantan*. Johor: Universiti Tun Hussein Onn.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail, & Nuranizah Yusuf. (2012). Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 155-172.